

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP
[MERBOK]**

TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah rancangan untuk menghapuskan akta yang tidak membenarkan suami/isteri asing kepada warganegara Malaysia untuk memperolehi visa supaya mereka boleh bekerja di Malaysia, memandangkan isu ini sedang di dalam pemerhatian “CEDAW Review 2018”.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa mengalu-alukan aspek kesejahteraan warganegaranya termasuklah dalam kalangan mereka yang mempunyai pasangan warganegara asing dan bermastautin dalam negara. Berhubung perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, suka saya memetik bahawa Jawatankuasa CEDAW pada tahun 2018 telah memberikan saranan agar Malaysia meminda undang-undang dan polisi agar dapat membenarkan pasangan yang bukan warganegara untuk bekerja di Malaysia.

Dalam hal ini, perkara ini adalah terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri sebagai pihak yang mempunyai bidang kuasa dalam mentadbir isu berkaitan imigresen. Sekian, terima kasih.